



جَاهُ الْإِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

خطبة الجمعة
Khatib al-Jum'at

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

04 SYAABAN 1447H / 23 JANUARI 2026M

“MENYEMAI AMAL SOLEH DI BULAN SYAABAN”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- ▶ Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- ▶ Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- ▶ Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- ▶ Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ وَبَعَثَ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أُولَى الْفَضْلِ الْعَظِيمِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala yang diperintah-Nya dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan orang yang beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Ketahuilah, dunia ini hanyalah persinggahan sementara, manakala akhirat itulah negeri yang kekal selama-lamanya. Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia (lagha) seperti berbual, bermain telefon atau tidur. Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk ***“Menyemai Amal Soleh Di Bulan Syaaban”***

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Hari demi hari berlalu, minggu demi minggu silih berganti, tanpa kita sedari masa meninggalkan kita. Kini kita telah pun berada dalam bulan Syaaban. Masa berjalan begitu pantas dan kita sering leka sehingga tidak menyedari kesempatan yang Allah SWT berikan untuk meningkatkan amal ibadah. Allah SWT mengingatkan kita menerusi firman-Nya dalam surah al-Furqan ayat 62:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِّمَنۢ أَرَادَ أَن يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا ﴿٦٢﴾

Maksudnya: *“Dan Dialah yang menjadikan malam dan siang silih berganti bagi orang yang ingin mengambil pengajaran atau ingin bersyukur.”*

Kedatangan Bulan mulia iaitu bulan Syaaban janganlah dipandang ringan. Ada di kalangan kita yang seakan-akan menganggap bulan ini sepi dan sunyi daripada sebarang keistimewaan. Seolah-olah tidak membawa makna dan pengertian dalam perjalanan pengukuhan iman seorang insan. Sedangkan hakikatnya, Syaaban adalah bulan yang sangat dimuliakan oleh Rasulullah SAW. Ianya merupakan bulan yang dipenuhi dengan peluang untuk memperbanyakkan amal, memperbaiki hubungan dengan Allah dan mempersiapkan diri menyambut ketibaan bulan Ramadan.

Malahan, Rasulullah SAW sendiri memberikan penekanan dan perhatian khusus terhadap bulan ini. Menurut hadis ketika seorang sahabat bertanya tentang sebab Baginda SAW banyak berpuasa pada bulan ini, maka Baginda SAW bersabda **yang bermaksud:**

“Itulah bulan yang sering dilalaikan oleh manusia, iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Allah, maka aku suka agar amalanku diangkat dalam keadaan aku berpuasa.” (Riwayat Imam an-Nasa’i)

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Hadis ini dengan jelas menggambarkan betapa tingginya perhatian Rasulullah SAW terhadap bulan Syaaban. Tatkala kebanyakan umat Islam lalai dan tidak mengambil berat akan kehadiran bulan yang mulia ini, Baginda SAW justeru memperbanyakkan ibadah, khususnya amalan berpuasa.

Sunnah Rasulullah SAW ini mengajar kita supaya memanfaatkan setiap waktu yang sering dipandang kecil oleh sebilangan umat Islam agar dapat menyubur keikhlasan, menambah amal soleh dan mengumpul sebanyak-banyaknya bekalan takwa yang akan dibawa ke alam akhirat. Sesungguhnya, amalan yang dilakukan ketika kebanyakan orang Islam sudah lalai dan leka lebih besar ganjarannya dan lebih dicintai Allah SWT sebagaimana Rasulullah saw bersabda dalam sebuah hadis yang berbunyi:

الْعِبَادَةُ فِي الْهَرَجِ كَهَجْرَةِ إِلَى

Maksudnya: *“Beribadah pada waktu al-harj (fitnah) adalah sama seperti berhijrah kepadaku.” (Riwayat Imam Muslim).*

Imam al-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan: *“Maksud daripada perkataan ‘al-harj’ itu ialah ketika berlakunya fitnah dan bercampur-baurnya perkara dalam urusan manusia. Kelebihan beribadah pada waktu itu adalah kerana ramai manusia melalaikannya, mereka sibuk dengan urusan dunia dan tidak meluangkan masa untuk beribadah kecuali sedikit sahaja dikalangan mereka.”*

Orang yang beribadah pada waktu manusia lalai diberi pahala yang besar, sama seperti pahala orang yang berhijrah kepada Rasulullah SAW. Ini

menunjukkan bahawa ibadah pada waktu manusia lalai adalah tanda hidupnya hati, bukti kesedaran iman dan lambang keikhlasan sebenar. Ketika manusia sibuk mengejar dunia, orang yang tetap memilih untuk sujud, berzikir, membaca al-Quran dan berdoa membuktikan bahawa hubungannya dengan Allah SWT lebih kuat daripada tarikan dunia.

HADIRIN JAMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Syaaban adalah bulan ketaatan, bukan bulan kelalaian. Ia adalah medan persediaan sebelum kita melangkah ke madrasah Ramadan. Di sinilah kita perlu membiasakan diri dengan ibadah, memperbanyakkan amalan soleh, menambah sedekah, membaca al-Quran dan memperbanyakkan berselawat ke atas junjungan besar Baginda Rasulullah SAW.

Namun, ada perkara penting yang tidak boleh kita abaikan, ketika kita melakukan ketaatan. Kita juga perlu menilai dan memperbaiki kualiti amalan diri masing-masing. Seterusnya, kita hendaklah berdoa bersungguh-sungguh agar Allah SWT menerima amalan kebaikan kita kerana setiap amalan akan diangkat dan dipersembahkan kepada Allah SWT. Sesungguhnya, inilah sikap para salafus soleh yang bukan sahaja bersungguh-sungguh dalam beramal, malah mereka juga takut jika amal kebaikan yang dikerjakan tidak diterima Allah SWT.

Lihatlah, betapa halusnyanya iman orang yang benar-benar mengenal Allah. Semakin banyak amalan yang dikerjakan, maka semakin besar rasa takut menyelinap dalam hati nurani mereka. Berbeza dengan keadaan pada hari ini, sedikit amal sudah merasa cukup, sedikit pujian sudah membuat kita rasa selamat. Kita lebih risau tentang pandangan manusia daripada penerimaan Allah SWT. Kita lebih sibuk mengejar sanjungan daripada mencari keredaan-Nya.

SIDANG JAMAAH YANG DIMULIAKAN,

Menyimpul khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan peringatan berikut sebagai renungan bersama:

1. Marilah bersama-sama kita manfaatkan bulan Syaaban kerana ianya adalah waktu terbaik untuk memperbaiki kualiti ibadah sebelum Ramadan tiba.
2. Muhasabah diri dan ikhlas beramal. Setiap amal akan diangkat dan dipersembahkan kepada Allah. Niat dan kesucian hati adalah kunci agar semua amal kebaikan kita diterima Allah SWT.
3. Sucikan hati dengan berusaha menyingkir segala penyakit hati seperti sifat dendam, iri hati, serta kebencian agar kita memasuki bulan Ramadan kelak dengan jiwa yang bersih dan tenang. Ketahuilah, hati yang bersih akan mudah khusyuk, merasai kemanisan ibadah dan mudah diterima amalnya di sisi Allah SWT.

Akhir sekali, marilah sama-sama kita renungkan firman Allah SWT ini:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Maksudnya: “Hari yang tidak bermanfaat harta dan anak-anak, kecuali orang yang datang kepada Allah dengan hati yang sejahtera.” (Surah asy-Syu‘ara: 88 dan 89)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat

yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami serta limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami dalam bulan Syaaban dan temukanlah kami dengan bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.